

**No. 45044\***

---

**South Africa  
and  
Malaysia**

**Memorandum of understanding between the Government of the Republic of South Africa and the Government of the Federation of Malaysia on agricultural cooperation. Kuala Lumpur, 12 July 2007**

**Entry into force:** *12 July 2007 by signature, in accordance with article 13*

**Authentic texts:** *English and Malay*

**Registration with the Secretariat of the United Nations:** *South Africa, 18 June 2008*

---

**Afrique du Sud  
et  
Malaisie**

**Mémorandum d'accord relatif à la coopération agricole entre le Gouvernement de la République sud-africaine et le Gouvernement de la Fédération de Malaisie. Kuala Lumpur, 12 juillet 2007**

**Entrée en vigueur :** *12 juillet 2007 par signature, conformément à l'article 13*

**Textes authentiques :** *anglais et malais*

**Enregistrement auprès du Secrétariat des Nations Unies :** *Afrique du Sud, 18 juin 2008*

\* *The texts reproduced below are the original texts of the agreement as submitted. For ease of reference, they were sequentially paginated. Their final UNTS version is not yet available.*

*Les textes reproduit ci-dessous sont les textes authentiques de l'accord tel que soumises pour l'enregistrement. Pour référence, ils ont été présentés sous forme de la pagination consécutive. Leur version finale RTNU n'est pas encore disponible.*

[ MALAY TEXT – TEXTE MALAIS ]

**KERAJAAN AFRIKA SELATAN** yang diwakili oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Jabatan Pertanian, (kemudian daripada ini disebut “Pihak” secara sendirian dan “Pihak-Pihak” secara kolektif).

**MENGAMBIL KIRA** bahawa demi kepentingan Pihak-Pihak untuk mengekalkan dan memperkukuhkan hubungan dalam bidang pertanian;

**MEMPERAKUI** kepentingan merangka suatu program pembangunan pertanian bersama bagi keberkesanan penggunaan sumber-sumber Pihak-Pihak dalam bidang pertanian, mengambil kira khususnya potensi kedua-dua negara;

**ATAS HASRAT** untuk memperkembangkan dan menggalakkan perdagangan dalam bidang-bidang pertanian;

**MEMPERCAYAI** bahawa hubungan dwipihak sedemikian boleh ditingkatkan melalui kerjasama pertanian;

**MENEGASKAN** bahawa kerjasama sedemikian akan memenuhi kepentingan, faedah dan aspirasi bersama Pihak-Pihak;

**TELAH BERSETUJU** seperti yang berikut:

## **PERKARA I OBJEKTIF**

Pihak-pihak, tertakluk kepada terma-terma Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang domestik, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar negara yang berkuatkuasa Negara mereka masing-masing, bersetuju untuk memperkukuh, mempromosi dan membangunkan kerjasama antara kedua-dua negara berdasarkan prinsip kesamarataan dan faedah bersama.

## **PERKARA 2 BIDANG KERJASAMA**

Setiap Pihak hendaklah, tertakluk kepada undang-undang domestik yang berkuatkuasa di negara mereka masing-masing, berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menggalakkan dan mempromosi kerjasama teknikal dalam bidang-bidang yang berikut:

- (i) Pengeluaran penternakan;
- (ii) akuakultur;
- (iii) pengeluaran dan perlindungan tumbuhan;
- (iv) penyelidikan pembangunan dan pengembangan pertanian;
- (v) industri asas tani dan pemprosesan makanan ;

- (vi) pemudahan perdagangan yang berkaitan dengan piawaian keselamatan makanan, dan pengujian makmal; dan
- (vii) apa-apa bidang kerjasama lain dalam bidang pertanian yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak.

### **PERKARA 3 PIHAK BERKUASA DITETAPKAN**

Pihak berkuasa yang ditetapkan yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini bagi pihak Kerajaan Malaysia ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan bagi pihak Kerajaan Republik Afrika Selatan ialah Jabatan Pertanian.

### **PERKARA 4 PELAKSANAAN**

1. Pihak-Pihak boleh bagi maksud Perkara 2 menjalankan aktiviti-aktiviti dan program-program yang berikut:
  - (i) kerjasama dalam piawaian dan pematuhan Sanitasi dan Fitosanitasi (SPS) dan langkah-langkah kuarantin melalui akreditasi dan Perjanjian Pengiktirafan Bersama;

- (ii) pertukaran bahan pembakaan untuk tumbuh-tumbuhan dan tanaman, perikanan dan udang dan ternakan;
- (iii) pertukaran maklumat mengenai pengurusan ladang dan penjenteraan;
- (iv) pertukaran maklumat mengenai hasil penyelidikan;
- (v) pertukaran maklumat mengenai pengairan;
- (vi) pertukaran bersaling pakar-pakar dan penyelidikan bersama dalam bidang kepentingan dan faedah bersama;
- (vii) penggalakan usaha sama dan kerjasama antara syarikat sektor swasta dari kedua-dua negara untuk pelaburan dalam pertanian; dan
- (viii) bidang-bidang lain yang dipersetujui bersama.

## **PERKARA 5**

### **PENGURUSAN BAGI KERJASAMA**

1. Untuk memantau, menguruskan dan melaksanakan Memorandum Persefahaman ini, Pihak-Pihak hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Bersama bagi menguruskan dan menyenggara Memorandum Persefahaman ini.